

Headline	Pentingnya penjagaan hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	18	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	668 cm ²
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 13,324
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,972



Pentingnya penjagaan hutan

FRIM anjur Hari Perhutanan Sedunia 28 Mac



Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menyambut Hari Hutan Antarabangsa 2015 pada 28 Mac ini dengan pengisian pelbagai acara berkaitan perhutanan.

Ketua Pengarahnya, **Datuk Dr. Abdul**

Latif Mohmod berpendapat, hari perhutanan sedunia perlu diingati supaya manusia menyedari kepentingan khazanah semula jadi tersebut.

“Jangan sesekali diabaikan mengenai kepentingan hutan dalam kehidupan, kerana ia menjadi sumber kepada hampir

Headline	Pentingnya penjagaan hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	18	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	668 cm²
Journalist	LAUPA JUNUS		
Frequency	Daily	AdValue	RM 13,324
		PR Value	RM 39,972

semua keperluan makhluk seperti air, ubatan, makanan, kesejahteraan dan persekitaran lestari,”ujarnya.

Justeru, hutan kata, Dr Abdul Latif yang juga Felo Akademi Sains Malaysia perlu dihormati dan dipelihara selamanya kerana ia merupakan warisan alam dan anugerah Allah SWT.

Katanya, tanpa hutan, maka ketidakseimbangan iklim boleh berlaku dan menjelaskan kehidupan manusia.

Sempena sambutan kali ini, FRIM juga akan melancarkan penerbitannya yang bertajuk, *Tropical Forest Fruits, Seeds, Seedlings and Trees* yang dihasilkan oleh pakar botani tempatan, Dr Francis Ng, yang juga merupakan bekas Timbalan Ketua Pengarah FRIM.

Ng merupakan penerima anugerah Pingat David Fairchild yang berprestij pada tahun 2009.

Anugerah berkenaan adalah sebagai penghormatan terhadap sumbangannya dalam bidang botani tropika dan usaha pemuliharaan selama lebih empat dekad menerokai kawasan hutan Asia Tenggara.

Acara perasmian dijangka dilakukan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr. James Dawos Mamit dan dihadiri Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Zolal Azha Yahya dan Dr. Latif.

Sempena sambutan tersebut pelbagai

aktiviti seperti menanam pokok, *amazing race*, pertandingan kolaj dan mewarna serta membersih sungai untuk penyertaan orang ramai akan dianjurkan.

Penyertaan adalah percuma tetapi terhad kepada peserta yang mendaftar awal kerana yang dahulu akan didahulukan.

Untuk sebarang pertanyaan atau penyertaan, hubungi Unit Komunikasi Korporat FRIM melalui e-mel: *frim_ccu@frim.gov.my* atau telefon: 03-62797591 / 7577 / 7458.



Jangan sesekali diabaikan-pentingnya hutan dalam kehidupan kerana ia menjadi sumber kepada hampir semua keperluan makhluk seperti ait ubatan, makanan, kesejahteraan dan persekitaran lestari.”

FRIM peroleh sijil akreditasi

INSTIUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berjaya memperoleh sijil akreditasi sebagai Badan Pensijilan Produk dari Jabatan Standard Malaysia.

(Standard Malaysia).

Perkhidmatan Pensijilan Produk FRIM (FRIM PCS) telah melepas Audit Kepatuhan Akreditasi Badan Pensijilan Produk ISO/IEC 17065 yang dilaksanakan pada 1 hingga 2 Disember tahun lalu oleh juruaudit, Ir Boey Her Meng dan Gan Boon Keong, serta Mark Mariba Rantai yang mewakili Standard Malaysia.

Audit Kepatuhan ini dilaksanakan bagi memastikan sistem kualiti FRIM PCS mencapai dan mematuhi keperluan standard ISO/IEC 17065, serta polisi dan prosedur yang ditetapkan oleh Standards Malaysia.

Secara keseluruhan, juruaudit berpuas hati dengan sistem yang dilaksanakan dan mencadangkan agar FRIM PCS diakreditasi sebagai Badan Pensijilan Produk dengan syarat tindakan pembetulan diambil ke atas ketidakpatuhan dan pemerhatian yang diberikan.

Pegawai-pegawai FRIM PCS yang terlibat dalam proses penilaian audit termasuk Pengarah Urusannya, Mohd Zamshari Abd Rahman; Ketua Panel Pensijilan, Dr Rahim Sudin (Pengarah Bahagian Keluaran Hutan); Ketua Juruaudit, Dr Zaihan Jalaludin (Ketua Program Biokomposit dan Perlindungan Kayu) dan Pengurus Pensijilan, Salamah Selamat (Ketua Pengurusan Kualiti).

Sijil akreditasi yang bermombor PC 12122014 CB 08 yang diterima oleh FRIM tertakluk kepada Seksyen 16, Subseksyen (2) dan (3), Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). Untuk maklumat lanjut mengenai FRIM PCS, sila layari laman web FRIM di <http://www.frim.gov.my>.



DR. ABD. LATIF MOHMOD

Headline	Pentingnya penjagaan hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	18	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	668 cm ²
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 13,324
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,972



KEJAYAAN FRIM menerima akreditasi menunjukkan pencapaiannya diiktiraf. - GAMBAR HIASAN